



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

MANDI SUNAT SEMBAHYANG JUMAAT: HUKUM, WAKTU DAN PERMASALAHANNYA

(BAHAGIAN AKHIR)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Permasalahan-Permasalahan Mandi Sunat Sembahyang Jumaat

1. Kaifiat yang paling afdhal dalam mengerjakan mandi sunat sembahyang Jumaat mahupun mandi-mandi sunat yang lain ialah dengan mengerjakannya sepertimana kaifiat mengerjakan mandi wajib.
2. Para ulama sepakat mengatakan bahawa mandi sunat sembahyang Jumaat ini tidak akan batal dengan sebab berlaku hadas sama ada hadas kecil ataupun besar. Maka jika berlaku hadas kecil, memadai dia berwudhu sahaja bagi mengangkat hadas kecil itu, dan jika berlaku hadas besar, memadai dia mandi junub sahaja bagi mengangkat hadas besar tersebut.
3. Jika terdapat keuzuran syari'e untuk menggunakan air, umpamanya kerana sakit ataupun kerana ketiadaan air, maka disunatkan untuk bertayammum, dengan meniatkan bahawa tayammum itu adalah sebagai ganti mandi sunat sembahyang Jumaat. Lafaz niatnya:

Ertinya: *“Sahaja aku bertayammum sebagai ganti mandi sunat sembahyang Jumaat”*

Menurut Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, tayammum ini juga boleh menjadi ganti kepada mandi-mandi sunat yang lainnya jika terdapat keuzuran untuk menggunakan air.

Menurut pendapat Imam al-Qalyubi, Imam asy-Syaubari, Imam asy-Syarwani *Rahimahumullah* dan lain-lainnya, makruh bagi orang yang hendak menghadiri sembahyang Jumaat meninggalkan tayammum ini jika terdapat keuzuran syari'e untuk menggunakan air. Hukum ini diqiyaskan daripada hukum makruh meninggalkan mandi sunat sembahyang Jumaat tanpa sebarang keuzuran yang telah disebutkan sebelum ini.

4. Imam an-Nawawi dan Imam asy-Syarbini *Rahimahumullah* berpendapat bahawa barang siapa yang menyatukan dua mandi wajib dan mandi sunat, umpamanya dia berniat mandi junub bersama-sama dengan mandi sunat sembahyang Jumaat, maka sah dan diterima kedua-dua mandi tersebut.

Imam al-Bujairimi *Rahimahullah* menambah: *“Bahkan jika dituntut mandi-mandi sunat itu (dalam satu masa), umpamanya mandi hari raya, mandi sunat sembahyang Gerhana, mandi sunat sembahyang Ististqa' dan mandi sunat sembahyang Jumaat, lalu dia berniat dengan salah satu daripada mandi-mandi sunat tersebut, maka dia akan memperolehi (pahala) kesemua mandi-mandi sunat yang dituntut daripadanya itu tadi kerana kedudukannya yang sama (semuanya adalah sunat), dan begitulah juga halnya bagi mandi-mandi wajib”*.

5. Jika seseorang telahpun mandi sunat kerana suatu sebab, misalnya kerana hari raya, lalu berlaku lagi selepas itu satu perkara yang dituntut ke atasnya untuk mandi sunat, umpamanya kerana hendak menghadiri sembahyang Jumaat, maka tuntutan mandi sunat kerana hendak menghadiri sembahyang Jumaat itu tidak gugur, bahkan sunat baginya mandi lagi sekali kerana perkara-perkara yang baru berlaku itu.
6. Sunat dan lebih utama seorang yang sedang berpuasa meninggalkan mandi sunat sembahyang Jumaat ini dan mandi-mandi sunat yang lain jika dikhuatiri ianya boleh membatalkan puasa.
7. Jika luput mandi sunat sembahyang Jumaat atau mandi-mandi sunat yang lainnya maka tidak perlu ianya diqadha kerana waktu dan sebabnya telah luput, sepertimana yang telah difatwakan oleh Imam as-Subki *Rahimahullah*.

Kesimpulannya

Harus diingat bahawa tatkala kita melakukan ibadat menghadap Allah *Subhaanahu wa Ta'aala*, pastikan kita berada dalam keadaan yang bersih dan kemas. Salah satu cara terbaik untuk membersihkan diri itu ialah mandi. Antara hikmah pensyariatan mandi yang paling utama, sama ada mandi sunat ataupun wajib, adalah supaya kita sentiasa dalam keadaan bersih dan suci. Ingatlah bahawa Allah *Ta'aala* amat suka kepada orang yang sentiasa membersihkan diri sebagaimana firmanNya:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

(222 :)

Tafsirnya: *"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri".*

(Surah al Baqarah, ayat: 222)

Mandi sunat sembahyang Jumaat, sungguhpun ianya hanyalah sunat, yang mana jika ditinggalkan tidaklah berdosa serta tidak pula menjejaskan atau merosakkan sembahyang Jumaat, akan tetapi mengerjakannya secara kurang sempurna sepertimana yang dituntut oleh syara', atau mengabaikannya dengan memandang ringan terhadap tuntutananya merupakan satu kerugian yang sangat besar kerana kedudukannya yang sangat tinggi di sisi Islam, sehinggakan dalam satu riwayat *muttafaq 'alaih*, Ibnu Umar *Radhiallahu 'anhuma* telah menceritakan bahawa pada suatu hari Jumaat, sedang bapanya Sayyidina Umar al-Khatthab *Radhiallahu 'anhu* menyampaikan khutbah Jumaat, beliau terlihat Sayyidina Uthman *Radhiallahu 'anhu* baru masuk ke dalam masjid, beliau pun menegur:

Maksudnya: *"Waktu apakah sekarang ini?"*.

Lalu Sayyidina Uthman *Radhiallahu 'anhu* pun menjawab:

Maksudnya: *"Sesungguhnya tadi aku sangat sibuk, sehinggakan aku tidak sempat pulang dulu kepada keluargaku, lalu aku pun terdengar azan, maka aku tidak menambah (apa-apa selain daripada) berwudhu".*

Lalu Sayyidina Umar *Radhiallahu 'anhu* pun berkata lagi:

()

Maksudnya: *"Dan juga (hanya) berwudhu? Sedangkan engkau telah mengetahui bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah memerintahkan supaya mandi".*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

Dalam riwayat ini, jelas sekali bahawa Sayyidina Umar *Radhiallahu 'anhu* kurang menyenangi perbuatan Sayyidina Uthman *Radhiallahu 'anhu* yang tidak mengerjakan mandi sunat sembahyang Jumaat padahal beliau sendiri mengetahui keadaan Sayyidina Uthman *Radhiallahu 'anhu* yang ketika itu sangat sibuk dan telahpun lewat untuk pergi ke masjid. Ini menunjukkan betapa pentingnya mandi sembahyang sunat Jumaat itu sehinggakan Sayyidina Umar *Radhiallahu 'anhu* tidak menerima alasan yang telah diberikan oleh Sayyidina Uthman *Radhiallahu 'anhu* itu tadi.

Riwayat ini sewajarnya menjadi tauladan dan penyuntik semangat untuk lebih berusaha mengerjakan amalan-amalan yang disyariatkan, semata-mata kerana mencari rahmat dan keredhaan Allah *Subhaanahu wa Ta'aala*, sungguhpun ada kalanya suatu amalan itu pada penilaian kasar hanyalah suatu amalan yang sangat mudah dan ringan sahaja, dan sungguhpun ada kalanya hikmah serta fadhilatnya hanya diketahui oleh Allah *Subhaanahu wa Ta'aala* sahaja. Ingatlah bahawa setiap yang disyariatkan oleh Allah *Subhaanahu wa Ta'aala* itu adalah yang terbaik untuk hambaNya.